

Lampiran Penerangan Produk

Chubb Travel Insure

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelanggan sekian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi anda dengan beberapa maklumat utama mengenai insurans kemalangan peribadi ini.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya.**

1. Apakah Chubb Travel Insure ini?

Insurans ini memberi pampasan untuk melindungi risiko yang termasuk perbelanjaan perubatan, kos pembatalan perjalanan, kelewatan penerbangan atau bagasi, kemalangan diri dan banyak lagi untuk perjalanan domestik dan antarabangsa. Anda akan mempunyai akses kepada perkhidmatan Bantuan Chubb 24/7 diseluruh dunia sekiranya berlaku kecemasan semasa perjalanan anda. Polisi ini boleh dibeli sebagai Pelan Perjalanan Tunggal atau Tahunan; dan sebagai pelan individu atau keluarga. Perlindungan bergantung kepada polisi yang dibeli.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sila rujuk kepada jadual manfaat di brosur. Manfaat utama yang dilindungi oleh produk ini termasuk:

(a) Manfaat Kemalangan Diri; (b) Manfaat Berkaitan Perubatan; (c) Manfaat Pemindahan Pulang Perubatan; (d) Manfaat Kesulitan Perjalanan; (e) Manfaat Bantuan Chubb 24/7; dan dengan pilihan tambahan Manfaat Golf atau Pek Pelayaran dengan premium tambahan.

Pelan Perjalanan Tunggal

Tempoh maksimum setiap perjalanan tidak akan melebihi 183 hari berturut-turut untuk perjalanan luar negara dan maksimum 30 hari berturut-turut untuk perjalanan domestik.

Pelan Perjalanan Tahunan

Tempoh maksimum setiap perjalanan tidak akan melebihi 90 hari berturut-turut untuk perjalanan luar negara dan maksimum 30 hari berturut-turut untuk perjalanan domestik.

Nota: Di atas adalah huraian ringkas sahaja dan tidak menyeluruh. Sila baca Keterangan Polisi untuk butir-butir penuh, terma-terma dan syarat-syarat insurans.

3. Siapakah yang layak membeli?

Seorang warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia atau pemegang permit kerja yang sah (yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa di Malaysia), pas pekerjaan, pas tanggungan, pemegang pas lawatan sosial jangka panjang, yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun pada permulaan Tempoh Insurans.

Had Umur untuk Perlindungan di bawah polisi

(a) Polisi Tahunan – sekurang-kurangnya berumur 18 tahun dan tidak lebih daripada 70 tahun, dengan pembaharuan polisi sehingga 80 tahun.

(b) Polisi Perjalanan Tunggal :

- Perjalanan Luar Negara – sekurang-kurangnya berumur 18 tahun, tiada had umur maksimum.
- Perjalanan Domestik – sekurang-kurangnya berumur 18 tahun, dan sehingga 80 tahun.

Had umur untuk kanak-kanak adalah sekurang-kurangnya 30 hari dan tidak lebih daripada 18 tahun, atau 23 tahun jika masih pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan tinggi yang beriktiraf.

4. Berapakah premium yang harus saya bayar?

(a) Sila rujuk kepada Jadual Premium di brosur.

(b) Premium yang dibayar berdasarkan kepada bilangan hari orang tertanggung membuat perjalanan, umur, destinasi dan jenis pelan yang dipilih untuk pelan Perjalanan Tunggal.

(c) Untuk pelan Perjalanan Tahunan, premium yang dibayar berdasarkan kepada destinasi, umur dan jenis pelan yang dipilih.

5. Apakah caj dan yuran yang harus saya bayar?

(a) Komisen : Tidak berkenaan

(b) Duti setem : RM10.00 (jika jumlah premium setiap polisi melebihi RM150 (di bawah nama pemegang polisi individu), atau RM250 (jika pemegang polisi ialah perusahaan mikro atau kecil & sederhana), jika berkenaan)

(c) Cukai Perkhidmatan (CP) 8% hanya berkenaan kepada Pelan Domestik atau tambahan kepada Domestik.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut :

- i. Keadaan perubatan sedia ada atau keadaan kongenital.
- ii. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV), Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkait AIDS (ARC).
- iii. Kehamilan atau kelahiran anak atau keguguran (kecuali keguguran yang disebabkan kecederaan tubuh akibat kemalangan yang dilindungi) atau pengguguran.
- iv. Kecederaan yang disengajakan dan bunuh diri.
- v. Perjalanan yang dibuat bertentangan dengan nasihat doktor.
- vi. Peperangan yang diisytiharkan atau tidak atau rusuhan atau kekecohan awam atau pencerobohan.
- vii. Kehilangan, kemusnahan atau kerosakan daripada radiasi, bahan kimia atau nuklear.
- viii. Orang Tertanggung terlibat dalam penerbangan, selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dengan syarikat penerbangan komersil.
- ix. Pelanggaran undang-undang oleh Orang Tertanggung atau perbuatan yang menyalahi undang-undang.
- x. Orang Tertanggung bertindak sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang, kakitangan perubatan kecemasan atau perkhidmatan bomba, kakitangan pertahanan awam atau kapasiti yang serupa, sama ada sepenuh masa atau sebagai sukarelawan.
- xi. Terlibat dalam aktiviti di luar pesisir, perlombongan, fotografi udara, pengendalian bahan letupan.
- xii. Orang Tertanggung mengambil bahagian dalam sukan profesional atau Sukan Ekstrim dan Aktiviti Sukan.
- xiii. Menyelam tanpa sijil atau tanpa pengajar yang berkelayakan, atau melebihi 30 meter secara mendalam.
- xiv. Sukan berbasikal, atau pemburuan persendirian.
- xv. Mendaki gunung atau Trekking.
- xvi. Kehilangan atau perbelanjaan berkaitan dengan Cuba atau menyebabkan kami melanggar sekatan perdagangan atau ekonomi.
- xvii. Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah.

Nota : Senarai ini tidak **menyeluruh**. Sila rujuk kepada keterangan polisi untuk senarai pengecualian yang penuh di bawah Polisi.

7. Apakah terma dan syarat utama yang harus saya sedari?

(a) Permulaan Perjalanan

Semua perjalanan mesti bermula dan berakhir di Malaysia.

(b) Tunai Sebelum Perlindungan

Premium sepenuhnya mesti dibayar dan diterima oleh kami sebelum permulaan tarikh perlindungan insurans di bawah Polisi.

(c) Sumbangan

Sekiranya anda berhak menerima bayaran balik untuk semua atau sebahagian perbelanjaan tersebut daripada mana-mana sumber, atau sekiranya terdapat sebarang insurans lain yang sedia ada terhadap kejadian yang dilindungi di bawah Polisi ini, kami hanya akan bertanggungjawab untuk jumlah lebihan yang boleh diperolehi semula daripada sumber insurans yang lain.

(d) Kepentingan Pendedahan

i. Anda mesti mengambil langkah yang munasabah:

- a) tidak membuat salah nyataan kepada kami apabila menjawab apa-apa soalan yang kami tanya;
- b) apabila memperbaharui Polisi, tidak membuat salah nyataan kepada kami apabila menjawab apa-apa soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah didedahkan kepada kami sebelum ini berkaitan dengan Polisi; dan
- c) mendedahkan kepada kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang kami tanya di (a) dan (b) di atas, yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami sama ada menerima risiko atau tidak dan kadar dan terma yang akan digunapakai.

Tanggungjawab pendedahan anda akan berterusan sehingga waktu memasuki kontrak ini, perbezaannya dan pembaharuan.

ii. Akibat Pelanggaran Kewajipan:

Pelanggaran kewajipan anda seperti yang dinyatakan di atas mungkin akan mengakibatkan kami mengelakkan Polisi ini dan menolak semua tuntutan, atau terma-terma Polisi berbeza, dan/atau jumlah yang dibayar untuk tuntutan dikurangkan secara berkadar, bergantung kepada jenis salah nyataan atau tiada pendedahan dan kesan salah nyataan tersebut atau tiada pendedahan.

(e) **Prosedur Tuntutan**

Untuk menyerahkan tuntutan, anda boleh, dalam jangka masa tiga puluh (30) hari: log masuk dengan nombor sijil insurans anda dan lengkapkan penyerahan dalam talian dengan dokumen sokongan yang diperlukan di Portal Tuntutan Chubb Malaysia yang boleh diakses di : <https://www.chubbtravelinsurance.com.my/cti/my-en/home.html#>

8. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

(a) **Perjalanan Tunggal**

Anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sekiranya berlaku pembatalan tersebut, Kami akan memberikan bayaran balik premium dengan syarat Tempoh Insurans yang dinyatakan di Sijil Insurans belum bermula dan tiada tuntutan telah timbul.

(b) **Pelan Tahunan**

Anda boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari kepada kami, dengan syarat tiada tuntutan telah timbul semasa Tempoh Insurans yang terkini. Sekiranya berlaku pembatalan tersebut, kadar bayaran balik skala pendek digunakan (sila rujuk kepada keterangan polisi).

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut atau bantuan untuk polisi ini?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans perjalanan, sila rujuk kepada buku kecil insuranceinfo "Travel Insurance", yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh memperolehi satu salinan dari www.insuranceinfo.com.my. Anda juga boleh menghubungi kami di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
Registration No: 197001000564 (9827-A)
Chubb Travel Insurance Customer Service
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
TF 1 800 88 2846
E Travel.MY@chubb.com

10. Lain-lain jenis perlindungan perjalanan yang tersedia

Sila rujuk kepada laman web kami di www.chubb.com/my untuk maklumat yang lebih.

NOTA PENTING :

ANDA DINASIHATI MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KETIDAKUPAYAAN DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MEMPUYAI PILIHAN UNTUK MENCALONKAN SEORANG PENCALON DAN IA HENDAKLAH MEMPUYAI SAKSI DAN MEMASTIKAN YANG PENCALON TAHU MENGENAI POLISI KEMALANGAN PERIBADI YANG ANDA TELAH BELI. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT DAN MEMBINCANG ATAU TERUS HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terdapat di dalam dokumen ini hanyalah huraian ringkas untuk rujukan anda dengan cepat dan mudah dan tidak menyatakan terma sepenuhnya perlindungan di bawah produk ini. Sila rujuk kepada keterangan polisi untuk butir-butir penuh semua manfaat, terma dan pengecualian yang berkaitan dengan produk ini.

Lampiran penerangan produk ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Harap diingatkan :

- Anda mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya untuk memberi kepada kami atau pengantara kami semua maklumat yang berkaitan agar membolehkan kami memberi produk kewangan yang paling sesuai untuk anda dan dengan menahan apa-apa maklumat yang kami atau pengantara kami minta, atau memberi maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai yang boleh memenuhi keperluan anda;
- Anda harus membaca dan memahami terma-terma kontrak dan membincang dengan lebih lanjut dengan kami atau pengantara kami sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak faham, sebelum menerima perlindungan di bawah Polisi.

Dengan menerima perlindungan di bawah Polisi, anda mengakui yang pengantara kami atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan di Polisi dan terma-terma utama kontrak, dan Polisi yang diberi adalah sesuai dengan keperluan insurans anda.

Maklumat yang diberi di dalam lampiran penerangan ini adalah sah pada 1 November 2025.

Produk ini ditajajamin oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad (Nombor Pendaftaran : 197001000564 (9827-A)).

Chubb Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.